

**IKLAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN GRED N 11 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : Penolong Guru Tabika Perpaduan (Kontrak)
- 1.2 Gred Jawatan : N 11
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan II
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Sembilan Darul Khusus
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Sembilan (9)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Sembilan Darul Khusus

2. JADUAL GAJI GRED N11 : RM 1,216.00 - RM 2,983.00 (Min – Max)

3. ELAUN :

- : Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM 95.00
- : Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) - RM 300.00
- : Bantuan Sara Hidup (COLA) - RM 350.00 / RM 250.00
RM 200.00

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 4.1 warganegara Malaysia; dan
- 4.2 berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,216.00) atau
 - ii) PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P) (Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,262.15)
- 4.3 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. CARA MEMOHON :

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Negeri Sembilan atau boleh diperolehi dengan melayari web JPNIN di <http://www.jpnin.gov.my> di ruangan "Pusat Media".
- 6.2 Borang Permohonan berserta gambar terkini (berukuran passport) yang tidak dikembalikan dan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Peperiksaan PMR, Sijil Berhenti Sekolah, salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan. Dokumen tersebut hendaklah disahkan dan dihantar ke alamat seperti berikut :-

Pengarah,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban

- 6.2.1 Pengesahan dokumen perlu dilaksanakan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, ADUN, Imam, Mahkamah Seksyen/Pesuruh Jaya Sumpah, Penghulu atau Pengerusi Rukun Tetangga dan Pemimpin Masyarakat yang diiktirafkan.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 18 Disember 2022 (4.30 petang)

8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**
 - a) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - b) tidak lengkap atau tidak terang
 - c) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - d) tidak menandatangani borang permohonan
 - e) tidak mengesahkan salinan dokumen yang disertakan
- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Tarikh : 1 Disember 2022